



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Institusi Teknologi MARA (Pindaan) 1986

DR.11/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Institiut Teknologi MARA 1976.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Institiut Teknologi MARA (Pindaan) 1986 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb April 1986.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Akta Institiut Teknologi MARA 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Institiut" di mana jua ianya terdapat dalam Akta ibu dengan perkataan "Institut".

Pindaan menyeluruh kepada Akta. Akta 173.

(2) Sebutan-sebutan mengenai Institiut Teknologi MARA dalam mana-mana undang-undang bertulis lain hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan mengenai Institut Teknologi MARA.

3. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (3), subseksyen baru (3A) yang berikut :

Pindaan seksyen 7.

"(3A) Menteri boleh mewakilkan tugas-tugasnya di bawah subseksyen (2) dan (3) kepada Majlis."

Pindaan
seksyen 20.

4. Seksyen 20 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “seorang Timbalan Pengarah” dalam subseksyen (7) dengan perkataan-perkataan “seorang atau lebih Timbalan Pengarah”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Timbalan Pengarah” dalam subseksyen (8) dengan perkataan-perkataan “seorang daripada Timbalan Pengarah yang akan dinamakan oleh Menteri”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Timbalan Pengarah” dalam subseksyen (9) dengan perkataan-perkataan “Timbalan Pengarah yang dinamakan di bawah subseksyen (8)”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Instituit Teknologi MARA 1976 yang kemudian dari ini disebut Akta.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda ejaan bagi perkataan “Institiut” di mana jua ianya terdapat dalam Akta dan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain dengan ejaan baru “Institut”.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 7 Akta dengan menambah satu subseksyen baru (3A) untuk membolehkan Menteri mewakilkan fungsi-fungsinya di bawah subseksyen (2) dan (3) kepada Majlis.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 20 Akta untuk membolehkan Menteri melantik lebih daripada seorang Timbalan Pengarah untuk membantu Pengarah dalam menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsi Institiut.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1372.]